



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03- 2096 4800

Fax : 03- 2096 4999

PEKELILING MAJIKAN BIL. 4/2000

**TARIKH KUATKUASA PERLUASAN SKIM KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
KE INDUSTRI INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI SWASTA, PENYEDIA LATIHAN DAN TENAGA**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada majikan bahawa tarikh kuatkuasa perluasan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ke industri Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Penyedia Latihan dan Tenaga dipinda dari 31 Januari 2000 kepada 17 Februari 2000.
2. Keputusan kerajaan untuk memperluaskan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) ke industri tersebut telah dimaklumkan kepada majikan melalui Pekeliling Majikan Bil.1/2000 bertarikh 4 Januari 2000. Pekeliling ini memaklumkan bahawa tarikh kuatkuasa perluasan skim ini ke industri berkenaan adalah mulai 31 Januari 2000. Oleh kerana terdapat sebab-sebab yang tidak dapat dielakan, tarikh kuatkuasa perluasan skim ini telah dipinda kepada 17 Februari 2000. Dengan demikian majikan diberi tempoh 30 hari dari tarikh kuatkuasanya peraturan ini untuk berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia atau 30 hari dari tarikh menjadi liable.
3. Pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia juga berkuatkuasa mulai 17 Februari 2000 dan perlu dibayar oleh majikan selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan Mac 2000.
4. Majikan yang berdaftar dan membayar levi adalah layak mendapat geran latihan. Sungguhpun demikian bagi program-program latihan yang telah dijalankan sebelum 17 Februari 2000 atau sebelum levi dibayar, walaupun latihannya tamat selepas tarikh tersebut, majikan tidak layak mendapat geran latihan kerana pada masa latihan dijalankan majikan masih belum diliputi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992.
5. Segala kesulitan adalah dikesali.
6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 17 Februari 2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(RUSNAN BIN SAMAT)

Pengarah Bahagian Geran Latihan
b/p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia